

PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN PERINGKAT KEBANGSAAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

1. ACARA

Acara ini dinamakan **BREATHING APPARATUS TACTICAL CHALLENGE (BATCH)**, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Mengenalpasti tahap kecekapan pegawai melalui lakuan kerja mengikut profil fizikal tugas sebagai seorang pegawai bomba.
- 2.2 Mengukur komponen kecergasan khusus taktikal kebombaan yang melibatkan kekuatan (*strength*) dan pengetahuan (*knowledge*).
- 2.3 Menguji pengetahuan pegawai bomba berkaitan Alat Pernafasan serta praktikal penggunaan yang betul sebagaimana **Standard Operating Procedure** yang dikeluarkan jabatan

3. SYARAT PENYERTAAN

- 3.1. Penyertaan adalah terbuka kepada Pegawai Bomba di seluruh Malaysia. Setiap negeri dibenarkan menghantar hanya satu pasukan dan hendaklah diwakili tiga (3) orang pegawai bomba sebagaimana ketetapan berikut :
 - 3.1.1 Balai Bomba Gred B:
 - i. Seorang Pegawai Bomba Lelaki Gred KB 22/KUP 24
 - ii. Seorang Pegawai Bomba Lelaki Gred KB 19/KUP 22
 - iii. Seorang Pegawai Bomba **Wanita** Gred KB 19/KUP 22
 - 3.1.2 Balai Bomba Gred C:
 - i. Seorang Pegawai Bomba Lelaki Gred KB 22/KUP 24
 - ii. Seorang Pegawai Bomba Lelaki Gred KB 19/KUP 22
 - iii. Seorang Pegawai Bomba **Wanita** Gred KB 19/KUP 22
- 3.2. Pihak urusetia berhak untuk menukar kategori balai bomba berdasarkan situasi semasa sesebuah negeri.
- 3.3 Pihak urusetia akan bekerjasama dengan PGO di negeri berkaitan untuk memastikan balai yang akan diuji mempunyai pegawai wanita bertugas pada tarikh ujian.

4. PERATURAN PERTANDINGAN

- 4.1. Peserta akan melakukan setiap disiplin di stesen yang ditetapkan sehingga lengkap dan berakhir di garisan penamat.
- 4.2. Gerak kerja disetiap stesyen adalah sebagaimana berikut:

4.2.1. Stesen 1: PPE Challenge

Peserta berlari sejauh 5 meter dan memakai PPE yang telah disediakan (peserta sediakan PPE masing-masing)

4.2.2 Stesen 2: SCBA Challenge

Peserta berlari sejauh 10 meter setelah selesai memakai PPE dan memasang set alat pernafasan, **membuat dua ujian dan dua pemeriksaan** serta memakai alat pernafasan termasuk plug in LDV ke facemask dan berlari ke garisan penamat pada jarak 5 meter

- 4.3. Semua peserta perlu memakai *half* celoreng dan meletakkan PPE lengkap (*helmet, structure fire fighting suit, fire fighting glove*) yang dibekal jabatan dan alat pernafasan lengkap (kandungan udara > 80%) di tempat yang disediakan. Set lengkap alat pernafasan perlu dipisahkan – *facemask, tabung* dan *backplate*. Gambarajah seperti **Lampiran C**
- 4.4. Semua peserta hanya dibenar menggunakan set alat pernafasan jenis drager bersaiz 9 liter yang dibekalkan oleh jabatan.
- 4.5. Prosedur pemakaian alat pernafasan hendaklah mematuhi ***Standard Operating Procedure*** yang ditetapkan oleh jabatan.
- 4.6. Peserta dibenarkan membawa *Fire Fighting Glove & Helmet* ke stesen ke-2 dan membuat pemasangan alat pernafasan seterusnya memakai helmet dan glove sebelum ke garisan penamat.
- 4.7. Setelah pengadil meniup wisel mula, peserta akan terus membuat gerak kerja yang telah ditetapkan.
- 4.8. Bendera merah akan diangkat apabila peserta tidak menyelesaikan setiap disiplin yang telah ditetapkan dan bendera hijau dinaikkan apabila selesai menjalankan disiplin.

- 4.9. Wisel penamat akan dibunyikan apabila peserta ketiga menghabiskan disiplin yang terakhir digarisan penamat dengan menekan loceng distesen terakhir.
- 4.10. Pertandingan akan diadakan didalam *Engine Bay* sepertimana format layout **dilampiran A**. Urusetia berhak menukar tempat pertandingan sekiranya terdapat masalah berkaitan *Engine Bay*.
- 4.11. Peserta hanya dikenakan penalti yang berkaitan disiplin serta pengubahsuaian peralatan PPE dan alat pernafasan sahaja.
- 4.12. Peserta melakukan disiplin pertandingan masing-masing secara berganti-ganti.
- 4.13. Peserta dibenarkan hanya memakai stokin semasa digarisan permulaan.

PERINGATAN**isyarat kecemasan '**FREEZ**' akan diberikan sekiranya pengadil berpendapat bahawa terdapat tanda-tanda atau penilaian **RISIKO** yang akan menyebabkan dan mendatangkan bahaya atau kecederaan sama ada kepada peserta atau sesiapa sahaja (petugas), **SEMUA OPERASI ATAU PERGERAKAN AKAN DIHENTIKAN SERTA MERTA**. Pengadil berhak dan mempunyai kuasa untuk memperbetulkan 'keadaan' sebelum pertandingan DISAMBUNG SEMULA. **Masa tidak akan diberhentikan semasa isyarat FREEZ yang kedua dan berikutnya dikenakan.**

PERINGATAN**isyarat kecemasan '**FOR REAL**' akan diberikan oleh PENGADIL atau PETUGAS sekiranya terdapat kecederaan sama ada kepadamangsa atau peserta, semua operasi atau pergerakan akan dihentikan.

5. KELENGKAPAN ANGGOTA PASUKAN

- 5.1 Setiap peserta yang menyertai pertandingan hendaklah memakai:-
 - 5.1.1 Pakaian PPE yang digunakan adalah PPE yang telah dibekalkan oleh jabatan.
 - 5.1.2 Set Alat Pernafasan yang perlu disediakan ketika acara dalah jenis Drager yang berkapasiti Kandungan udara >80% termasuk *facemask*.
 - 5.1.3 Setiap peserta perlu menggunakan PPE dan Set Alat Pernafasan individu yang tidak berkongsi.
 - 5.1.4 Setiap PPE yang digunakan perlu disemak oleh pengadil pertandingan sebelum acara dimulakan.
- 5.2 Pertandingan akan memakai peralatan:-
 - 5.2.1 Peralatan yang digunakan perlu mengikut spesifikasi dari segi jenis, berat serta ukuran seperti yang telah digariskan di dalam garis panduan teknikal pertandingan.
 - 5.2.2 Spesifikasi peralatan boleh dirujuk pada **Lampiran B**.

5.3 Spesifikasi tempat pertandingan adalah:-

5.3.1 Spesifikasi tempat harus menepati kriteria dan ukuran yang telah ditetapkan mengikut layout pertandingan pada garis panduan teknikal pertandingan.

5.3.2 Urusetia berhak untuk menentukan lokasi bagi tempat pertandingan.

6. FORMAT PENGADILAN

6.1 Masa dikira apabila airhorn/wisel dibunyikan sehingga peserta ketiga melepasi garisan penamat di disiplin yang ketiga.

6.2 Ketelitian dan kesempurnaan dalam memastikan setiap gerak kerja yang dilakukan mengikut prosedur yang ditetapkan.

6.3 Jawatankuasa pengadilan akan menyediakan peralatan pengujian dan dibantu oleh Bahagian Latihan JBPM negeri yang terlibat.

6.4 Pemilihan balai yang bertanding akan ditentukan oleh Bahagian Latihan dan Bahagian Operasi Kebombaan Dan Penyelamat Ibu Pejabat JBPM.

6.5 Sebarang kesalahan gerak kerja semasa pengujian, pengadil akan mengarahkan peserta untuk mengulang semula pengujian di *checkpoint* yang berkenaan menggunakan bendera merah.

6.6 Pemenang adalah ditentukan dengan kiraan masa terpantas.

6.7 Sekiranya terdapat pemenang bersama, **masa terpantas tanpa kiraan penalti** bagi sesuatu peserta akan diterima sebagai pemenang.

6.8 Keputusan pengadil adalah **muktamad**.

FORMAT PERMARKAHAN PERTANDINGAN

KAWAD KECEKAPAN JBPM

BREATHING APPARATUS TACTICAL CHALLENGE


(BATCH)

NAMA PASUKAN / NEGERI: _____

BIL	PENALTI DISIPLIN/ KEKEMASAN/ RUPA DIRI PESERTA		MASA	CATATAN	
				ADA	TIADA
1	Masa Sebenar Pertandingan				
2	Kekemasan Pakaian dan Pemakaian Peralatan Perlindungan (PPE) Kesalahan bagi setiap individu				
	2.1	Pakaian Operasi (over trouser) -pengubahsuaian	5 min		
	2.2	Set Alat Pernafasan (tidak gantung <i>face mask</i> di leher)	1 min		
	2.3	Helmet (Fire Helmet) dibekalkan jabatan -Pengubahsuaian -visor diletak tape/salortape -strap diubahsuai -padding dalam diubahsuai	5 min setiap item/peserta		
	2.4	Glove Fire Fighting dibekalkan jabatan - pengubahsuaian - penyalahgunaan glove	5 min setiap item		
	2.5	Fire Fighting Boot dibekalkan jabatan - Pengubahsuaian	5 min / setiap peserta		
	2.6	Kemasan diri -Janggut tidak bercukur - Rambut -Misai - <i>Side burn</i>	10 saat setiap kesalahan/ setiap orang		
3	Jumlah Tambahan Masa				

Disediakan oleh:	Disemak oleh:	Disahkan oleh:
---------------------	------------------	-------------------

Susunan Acara




SENARAI PERALATAN
PERALATAN PAKAIAN PERLINDUNGAN PENUH (*PERSONAL PROTECTIVE*
***EQUIPMENT*) DAN SCBA**

GAMBAR PERALATAN	BUTIRAN PERALATAN
1. PPE (Personal Protective Equipment) 	i. Helmet Api Terbaru (Merah/Putih) jenis Drager. ii. Sarung Tangan Api (<i>Fire Glove</i>) yang dibekalkan oleh Jabatan tanpa dibuang <i>inner</i>. iii. Baju Api Lengkap Terbaru jenama Protek iv. Set Alat Pernafasan Jenis Drager yang berkapasiti udara >80% v. Kasut jenis Jolly
2. Set Alat Pernafasan 	KEMASKINI a. Kedudukan peralatan PPE perlu berada di <i>center of the line</i> garis 5 meter di Stesyen 1. b. PT boleh membantu untuk menyusun PPE jika kawasan untuk menyusun peralatan PPE tidak luas. c. PPE perlu berada dalam keadaan terlerai dan perlu dipakai dengan kemas mengikut SOP pemakaian ketika pelaksanaan Operasi Kebombaan.

CONTOH SUSUN ATUR PAKAIAN PERLINDUNGAN DIRI (PPE)





- ❖ Half Celoreng
- ❖ Tactical Boot
- ❖ Inner Bomba

- ❖ Fire Fighting Suit
- ❖ Fire Fighting Boot
- ❖ Fire Fighting Glove
- ❖ Fire Fighting Helmet

- ❖ Pemasangan Set Alat Pernafasan
- ❖ Pengujian Alat Pernafasan
 - : Ujian Tekanan Tinggi
 - : Ujian Tekanan Rendah
- ❖ Pemeriksaan Alat Pernafasan
 - : Pemeriksaan Tekanan Positif
 - : Pemeriksaan Ketepatan Wisel Amaran
- ❖ Donning Prosedur

BATCH Breathing Apparatus
Tactical Challenge


Lay-out
INFOGRAPHIC



Tabung



Backplate



1. Face Mask
2. Head Harness
3. Inner mask
4. Neck Strap